

SOALAN NO. :392

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan rancangan yang sedia ada sejak 2013 sehingga terkini, di kawasan Parlimen Kuching dan Parlimen Stampin demi mengatasi banjir kilat yang sering berlaku. Nyatakan secara terperinci projek-projek tersebut dari segi perbelanjaan, jangkaan masa siap, status projek jika dalam pelaksanaan serta kawasan yang boleh dimanfaatkan oleh projek tersebut.

238

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak yang merangkumi kawasan Parlimen Kuching dan Parlimen Stampin.

Proses tender bagi PLSB Sungai Sarawak sedang dilaksanakan dan akan diikuti dengan kerja-kerja reka bentuk. Kerja-kerja di tapak pula dijangka akan bermula November 2018 selepas proses reka bentuk terperinci selesai.

Sekian, terima kasih.